

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
KAWASAN : JERANTUT
TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 51

SOALAN

YB. TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesan terhadap Malaysia selepas Amerika Syarikat menarik diri daripada TPPA dan apakah pendirian dan tindakan yang diambil Kementerian di dalam perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara TPPA termasuk Malaysia pada 30 Januari 2017 untuk memaklumkan secara rasmi penarikan negara tersebut dari TPPA.

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

negara-negara TPP. Amerika Syarikat sendiri sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.

3. Sehubungan itu, negara-negara TPP yang lain seperti Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.

4. Sekiranya TPPA tidak dapat dilaksanakan, ini merupakan satu '*missed opportunity*' (dengan izin Tuan Yang Dipertua) kepada Malaysia untuk memperluas dan mempelbagaikan akses pasaran.

5. Berkenaan dengan hala tuju TPP, ini adalah bergantung kepada perbincangan lanjut antara 11 buah negara anggota TPP yang lain di peringkat Ketua-Ketua Perunding dan Menteri-Menteri negara TPP.

Tuan Yang Dipertua,

6. Sebagai alternatif, Malaysia juga menimbang untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dua hala dengan beberapa negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.

7. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 negara lain, termasuk tujuh (7) negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP menjelang penghujung tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah awal untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain juga sedang dilaksanakan.